

Trend kes muflis menurun

Peminjam digalakkan hubungi institusi kewangan elak petisyen kebangkrutan

Oleh Tuty Haryanti
Ahmad Kodzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Trend kes muflis membabitkan individu didapati semakin berkurangan sejak 2016, termasuk ketika Kadar Dasar Semalaman (OPR) meningkat pada 2018.

Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Nor Shamsiah Mohd Yunus, berkata ia berdasarkan trend dan maklumat terkini diperoleh daripada bank dan institusi bukan bank terpilih (penyedia perkhidmatan sewa beli).

Beliau berkata, bukan mudah bagi seseorang diisytihar muflis

kerana banyak prosedur perlu dipatuhi oleh institusi kewangan atau pemiutang lain.

"Jumlah belia, iaitu individu berumur kurang daripada 35 tahun yang muflis juga menunjukkan trend penurunan yang sama, mencakupi 14 peratus daripada jumlah kes muflis bagi tempoh Januari hingga Mei 2022, manakala purata bagi tempoh 2017 hingga 2019 adalah 24.9 peratus," katanya dalam kenyataan semalam.

Kenyataan beliau bagi mengulas isu muflis yang kerap digembar-gemburkan sebagai sinonim dengan keadaan kewangan yang semakin parah, selain tindakan Persatuan Penyelesaian Pengguna dan Peminjam Malaysia mengaitkan kenaikan OPR baru-baru ini dengan trend muflis.

Perangkaan menunjukkan pada 2018, sejumlah 5,283 kes ke-

bankrapan direkodkan dan terus menurun kepada 3,948 kes (2019); 2,844 kes (2020); 1,884 kes (2021) dan 515 kes (Januari-April 2022).

Trend penurunan ini membabitkan tujuh institusi kewangan domestik yang mencakupi 71 peratus daripada jumlah pinjaman sistem perbankan.

Nor Shamsiah berkata, tindakan kebangkrutan adalah jalan terakhir oleh institusi kewangan setelah segala usaha pemulihan lain dilakukan untuk mendapatkan balik pinjaman yang diberi.

"Mengikut Prinsip Layanan Adil kepada Pengguna Kewangan dan Amalan Pembiayaan yang Bertanggungjawab yang dikeluarkan oleh BNM, institusi kewangan perlu memastikan peminjam yang menghadapi kesulitan membayar balik pinjaman dilayan dengan adil dan

diberi pertimbangan sewajarnya sebelum tindakan kebangkrutan diambil.

Dapatkan khidmat AKPK

"Peminjam yang menghadapi kesulitan membuat bayaran balik pinjaman juga digalakkan menghubungi institusi kewangan masing-masing sebelum pinjaman mereka menjadi pinjaman tidak berbayar bagi mengelak petisyen kebangkrutan difailkan oleh institusi kewangan.

"Ia bagi membolehkan institusi kewangan menawarkan pakej bayaran balik pinjaman yang sesuai kepada peminjam bagi membantu mereka ketika menghadapi kesulitan kewangan," katanya.

Beliau berkata, BNM juga mendapati ramai peminjam ketika ini beransur-ansur keluar daripada program bantuan bayaran balik pinjaman, manakala trend bayaran balik pinjaman perbankan turut bertambah baik.

Pada suku pertama 2022, katanya, trend menunjukkan pe-

ningkatan kepada purata 92 peratus daripada tahap bayaran balik pinjaman sebelum pandemik COVID-19 atau suku pertama 2020.


"Peminjam juga boleh mendapatkan khidmat nasihat daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) untuk dipertimbangkan di bawah Program Pengurusan Kredit (PPK).

"Program ini dapat membantu mereka menstruktur semula pinjaman sedia ada dan seterusnya membolehkan peminjam membayar balik pinjaman.

"Hal ini dapat mengelak mereka daripada tindakan undang-undang yang boleh diambil seperti kebangkrutan atau lelongan harta sekiranya peminjam gagal meneruskan bayaran balik pinjaman," katanya.

Selain institusi kewangan, Nor Shamsiah berkata, tindakan kebangkrutan turut diambil oleh pemiutang lain yang berada di luar bidang kuasa BNM seperti syarikat pemberi kredit, pembekal dan sebagainya.

Kes muflis tahunan (2011-2022)



Nor Shamsiah Mohd Yunus